BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj: 08/17/11

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1200 hari Jumaat, 18 Ogos 2017

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEDUA 2017

Ekonomi Malaysia berkembang 5.8% pada suku kedua 2017

Pertumbuhan ekonomi Malaysia terus disokong oleh permintaan dalam negeri, terutamanya perbelanjaan sektor swasta. Dari segi penawaran, pertumbuhan ini telah didorong oleh prestasi yang lebih baik bagi semua sektor utama ekonomi. Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara meningkat 1.3% (S1 2017: 1.8%). Inflasi keseluruhan menurun kepada 4.0% disebabkan terutamanya oleh harga bahan api dalam negeri yang lebih rendah.

Kestabilan kewangan domestik disokong oleh institusi yang kukuh dan keadaan pasaran yang teratur

Sejajar dengan trend global, turun naik pasaran kewangan domestik secara keseluruhan semakin reda dalam keadaan sentimen yang bertambah baik. Institusi kewangan domestik terus menunjukkan kualiti aset dan paras keuntungan keseluruhan yang kukuh. Keadaan pembiayaan domestik juga kekal menggalakkan dan menyokong keperluan pembiayaan sektor perniagaan dan isi rumah. Peminjam yang layak terus mempunyai akses kepada pembiayaan untuk membeli rumah. Namun, keadaan bekalan yang berlebihan dalam segmen ruang pejabat dan kompleks membeli-belah terus memberi tekanan terhadap kadar penghunian.

Melangkah ke hadapan, ekonomi Malaysia dijangka berkembang melebihi 4.8% pada tahun 2017

Berikutan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 5.7% pada separuh pertama tahun 2017, ekonomi Malaysia dijangka berkembang melebihi 4.8% pada tahun 2017. Permintaan dalam negeri dijangka menjadi penyumbang utama pertumbuhan. Bagi sektor luaran, eksport dijangka mendapat manfaat daripada pertumbuhan global yang lebih kukuh daripada jangkaan. Inflasi keseluruhan diunjurkan lebih sederhana pada separuh kedua tahun 2017, mencerminkan kesan daripada faktor kos global yang semakin berkurang. Bagi tahun 2017 secara keseluruhan, inflasi dijangka berada dalam julat purata 3.0% hingga 4.0%.

Bank Negara Malaysia juga menyiarkan dua rencana yang menyentuh dua isu. Rencana Pertama – 'Hasil Pelaksanaan Rangka Kerja Kadar Rujukan: Ke Arah Amalan yang Lebih Cekap dan Telus' menghuraikan tiga hasil yang ingin dicapai sehingga mendorong kepada pelaksanaan rangka kerja ini. Rencana Kedua – 'Liberalisasi Perniagaan Insurans Motor: Ganjaran kepada Pemandu Berhemah' menerangkan bagaimana penentuan kos premium yang saksama bagi pengguna yang membeli insurans motor boleh dicapai di bawah persekitaran operasi yang baharu.

Bank Negara Malaysia
18 Ogos 2017

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Jadual 1:

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2016 (%)	2016		2017		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	91.6	6.1	4.7	7.7	5.7	6.7
Sektor Swasta	*70.1*	6.0	5.2	8.2	7.2	7.7
Penggunaan	*53.2*	*6.2*	*5.7*	*6.6*	*7.1*	*6.9*
Pelaburan	*16.9*	*5.6*	*3.9*	*12.9*	*7.4*	*10.0*
Sektor Awam	*21.5*	6.3	3.0	5.8	0.2	2.9
Penggunaan	*13.1*	*5.5*	*4.1*	*7.5*	*3.3*	*5.3*
Pelaburan	*8.5*	*7.7*	*1.3*	*3.2*	*-5.0*	*-0.9*
Eksport Bersih	8.4	-1.2	-4.7	-14.5	1.4	-6.7
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*70.4*	*2.0*	*1.5*	*9.8*	*9.6*	*9.7*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*62.1*	*2.4*	*2.4*	*12.9*	*10.7*	*11.8*
KDNK	**100.0**	**4.0**	**4.0**	**5.6**	**5.8**	**5.7**
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.1**	**-**	**1.8**	**1.3**	**-**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2:

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)

Perubahan tahunan (%)	Bahagian 2016 (%)	2016		2017		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
Perkhidmatan	54.3	5.7	5.4	5.8	6.3	6.1
Perkilangan	23.0	4.2	4.4	5.6	6.0	5.8
Perlombongan	8.8	2.1	0.4	1.6	0.2	0.9
Pertanian	8.1	-7.8	-5.9	8.3	5.9	7.1
Pembinaan	4.5	8.9	8.5	6.5	8.3	7.4
KDNK Benar	**100.0**[1]	**4.0**	**4.0**	**5.6**	**5.8**	**5.7**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia